



KES 1

Pindah RM800,000 dalam akaun orang lain

Panik apabila dimaklumkan akaun bank disekat kerana terbabit dengan transaksi pengubahan wang haram di Indonesia menyebabkan seorang wanita menanggung kerugian RM800,000 selepas wang itu dipindahkan ke akaun orang lain minggu lalu.

Wanita berusia 40-an itu menerima panggilan telefon daripada seorang individu mendakwa anggota polis yang menyiasat kes transaksi wang haram di luar negara membabitkan akaun banknya.

Menurut anggota polis itu, mangsa diberi masa seminggu untuk 'membersihkan' akaun banknya dengan memindahkan wang ke dalam akaun orang lain yang disediakan pihak berkenaan sepanjang tempoh terbabit.

Malah, mangsa diugut supaya tidak mendedahkan butiran mengenai panggilan diterimanya kepada pihak lain sekiranya tidak mahu akaun bank disekat.

Akibat panik dengan ugutan itu, mangsa memindahkan wang

berjumlah RM800,000 ke akaun bank diberikan suspek secara berperingkat dalam tempoh empat hari berturut-turut sejak menerima panggilan berkenaan.

Sebaik selesai memindahkan wang berkenaan, dia cuba menghubungi nombor telefon itu semula, namun gagal sebelum menyedari ditipu.

Mangsa memaklumkan tidak pernah mendedahkan sebarang maklumat kepada pihak ketiga sebelum ini.

KES 2

Simpanan RM100,000 warga emas lesap

Seorang lelaki warga emas kerugian RM100,000 apabila wang di dalam akaun banknya 'lesap' selepas dipindahkan ke dalam akaun bank milik individu lain.

Mangsa berusia 70 tahun menerima panggilan daripada individu memperkenalkan diri sebagai pegawai bank memaklumkan akaun banknya disekat bagi membantu siasatan polis berhubung kes jenayah.

Warga emas terbabit diminta memindahkan wangnya ke dalam akaun milik individu lain kononnya bagi membantu siasatan terbabit.

Lelaki itu yang tidak berfikir panjang membuat transaksi pemindahan wang RM100,000 ke dalam akaun bank individu lain seperti diarahkan suspek di sebuah bank.

Sebaik berbuat demikian, dia cuba menghubungi semula nombor telefon itu

untuk tindakan lanjut, namun gagal.

Dia yang berasa ditipu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang berhubung kejadian itu.

Lelaki warga emas itu memaklumkan dia tidak pernah berkongsi maklumat peribadi dengan pihak ketiga bagi mengelak menjadi mangsa penipuan, namun tetap menjadi mangsa sindiket Macau Scam.

FAKTA
Mangsa percaya berikutan maklumat tepat disampaikan suspek

Manipulasi minda

■ Sindiket Macau Scam guna kaedah gertak perdaya mangsa panik pindah wang

Mohd Fauzi Abdullah dan Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Kaedah gertak dan mewujudkan rasa panik pada mangsa adalah formula paling berkesan digunakan sindiket Macau Scam untuk memperdaya mangsa.

Ugutan dibuat menyebabkan mangsa menjadi kelam-kabut sebelum diarah suspek yang menyamar sebagai polis supaya memindahkan wang ke dalam akaun bank diberikan.

Malah, maklumat tepat mengenai mangsa disampaikan suspek menyebabkan mereka percaya individu yang

menghubungi itu adalah polis atau pegawai institusi kewangan seperti didakwa.

Ini kerana kebanyakan mangsa mengaku tidak pernah mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga yang dirasakan berpotensi menjadikan mereka sebagai mangsa penipuan sindiket Macau Scam.